

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 APRIL 2022

AKHBAR : HAKAKAH

MUKA SURAT : 11

**ECERDC sasar pelaburan RM1.8 bilion**

# ECERDC sasar pelaburan RM1.8 bilion

**KOTA BHARU:** Sehingga 31 Mac lepas Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) berjaya menarik pelaburan komited bernilai RM990 juta ke Kelantan.


Dan bagi tempoh tahun ini ECERDC optimis dapat mencapai sasaran pelaburan sebanyak RM1.8 bilion.

Pengurus Perhubungan Media ECERDC Tengku Mazlinda Tengku Mahmood berkata, jumlah pelaburan itu dijangka bakal mewujudkan lebih 1,200 pekerjaan baharu dan 300 peluang keusahawanan.

Katanya, ECERDC yakin sasaran itu dapat dicapai dengan adanya pakej insentif cukai khas Kelantan yang diluluskan Kementerian Kewangan.

“Di bawah Insentif Khas Kelantan, pelabur yang layak akan menikmati 100 peratus pengecualian cukai pendapatan selama 15 tahun dengan lanjutan lima tahun lagi pada kadar istimewa 17 peratus.

“Bagi pekerja bukan warganegara yang memegang jawatan pengurusan kanan, hanya akan dikenakan kadar cukai rata seba-



**Menteri Besar meninjau projek ECER sempena pra mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Penyelaras Kelantan di Masjid Kampung Laut.**

nyak 15 peratus sebagai insentif tambahan untuk menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Kelantan,” katanya pada kenyataan Ahad lepas.

Menurutnya juga di bawah pelan transformasi Tok Bali, ECERDC akan memanjangkan dan menaik taraf jeti pendaratan ikan bagi membolehkan kapal moden berlabuh.

Katanya, langkah itu akan meningkatkan lagi pertumbuhan aktiviti hiliran di kawasan tersebut terma-

suk pemprosesan ikan, ikan beku dan otoshimi.

“Pada tahun ini di bawah program Pembangunan Modal Insan, ECERDC turut menyasarkan untuk melatih seramai 2,000 pelajar di 50 sekolah menerusi Program Latihan Akademik empower ECER.

“Manakala program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER pula akan melatih seramai 627 peserta di Kelantan dengan sokongan Yayasan Petronas,” ujarnya.